



Panduan Pendaftaran Pelajar Baru

SILA BACA DENGAN TELITI

ISI KANDUNGAN	MUKASURAT
1.0 PENDAHULUAN	1
2.0 PERSEDIAAN PENDAFTARAN	2
3.0 HARI PENDAFTARAN	2
4.0 BAYARAN.....	3
4.1 Bayaran Penerimaan Tawaran.....	3
4.2 Bayaran Hari Pendaftaran.....	3
4.3 Lain - lain Bayaran	4
4.3 Yuran Pengajian.....	5
5.0 BANTUAN KEWANGAN	6
5.1 Bantuan Pinjaman Pelajaran MARA	6
5.2 Pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	7
5.3 Keperluan Dokumen Untuk Urusan Permohonan Pinjaman	8
6.0 KEMUDAHAN ASRAMA.....	9
7.0 PERMOHONAN PINDAH KREDIT	10
8.0 UJIAN PENEMPATAN BAHASA INGGERIS DAN MATEMATIK	10

1.0 PENDAHULUAN

Tahniah di atas kejayaan anda kerana terpilih untuk mengikuti program pengajian di Universiti Kuala Lumpur.

Anda dinasihatkan supaya membaca maklumat dan arahan di bawah dengan teliti supaya urusan pada HARI PENDAFTARAN berjalan dengan lancar.

Adalah diingatkan bahawa UniKL berhak membatalkan penawaran sekiranya:

- 1) maklumat mengenai kelayakan adalah tidak benar dan tidak memenuhi syarat dan juga
- 2) tertakluk kepada pemeriksaan kesihatan oleh doktor yang bertauliah. Pelajar yang rabun warna tidak dibenarkan mendaftar dalam bidang tertentu seperti bidang yang melibatkan Rekabentuk, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.



2.0 PERSEDIAAN PENDAFTARAN

- i. Membuat bayaran penerimaan RM250 (sila rujuk 4.0) dan menghantar Borang Jawapan Penerimaan Tawaran beserta dengan Slip Bank bayaran RM250 sebelum tarikh akhir penerimaan seperti yang tercatat di dalam surat tawaran.
- ii. Membuat bayaran Yuran Pendaftaran di mana-mana cawangan CIMB Bank dengan menggunakan Borang Khidmat Pungutan yang terdapat di CIMB sebelum hari pendaftaran.
- iii. Menyediakan dokumen yang perlu dibawa (**sila rujuk senarai semak di dalam Dokumen Pendaftaran - Lampiran F**)
- iv. Menyempurnakan pemeriksaan kesihatan berdasarkan Borang Pemeriksaan Kesihatan termasuk X-ray. Pihak Universiti hanya memerlukan laporan perubatan sahaja, filem X-ray tidak perlu diserahkan kepada pihak Universiti.
- v. Sekiranya anda tidak dapat hadir pada hari pendaftaran yang telah ditetapkan dan ingin mendaftar pada tarikh lain, anda wajib mendapatkan kelulusan secara bertulis sebelum hari pendaftaran.
- vi. Bagi yang telah membuat bayaran penerimaan dan ingin menangguh pendaftaran ke semester akan datang, permohonan secara bertulis perlu dibuat dalam tempoh 4 minggu selepas tarikh pendaftaran. Selepas tempoh ini, bayaran penerimaan tawaran tidak akan dikembalikan dan anda perlu membuat permohonan kemasukan semula sekiranya masih berminat.

3.0 HARI PENDAFTARAN

Anda hendaklah hadir untuk mendaftar diri berdasarkan maklumat **seperti yang tercatat di surat tawaran**. Sila bawa bersama **Dokumen Pendaftaran** yang telah lengkap di isi bersama dengan dokumen-dokumen yang perlu (**sila rujuk senarai semak di Lampiran F Dokumen Pendaftaran**) semasa hadir mendaftar.

Anda perlu berpakaian **kemas** semasa hadir mendaftar.

Pelajar lelaki dikehendaki berbaju kemeja, bertali leher, seluar panjang (slacks) dan berkasut. Rambut mestilah kemas, tidak diwarnakan serta tidak melebihi paras kolar baju.

Pelajar perempuan dikehendaki berpakaian kemas, seperti berpakaian baju kurung. Rambut mestilah kemas dan tidak berwarna. Bagi pelajar yang bertudung, anda dikehendaki memakai tudung berwarna gelap.

Nota: Seluar jeans, seluar pendek dan selipar adalah **DILARANG**.

Semua pelajar baru di **WAJIB** kan mengikuti **Program Induksi** anjuran Universiti selepas daripada Hari Pendaftaran. Program ini penting bagi menyesuaikan diri para pelajar dengan persekitaran kampus universiti.



4.0 BAYARAN

Semua bayaran perlu dibuat dengan menggunakan **Slip Khidmat Pungutan (Collect Service)** yang boleh di dapati di **Bank CIMB**. Sila rujuk **Panduan Mengisi Slip Bank CIMB (Khidmat Pungutan)** yang dilampirkan ketika mengisi slip Khidmat Pungutan berkenaan. Slip Khidmat Pungutan yang telah disahkan oleh Bank CIMB adalah dianggap sebagai resit rasmi UniKL. Pelajar **WAJIB** menyimpan dan membawa salinan slip bayaran (Bayaran Penerimaan dan Pendaftaran) sebagai bukti bayaran semasa hari pendaftaran.

Untuk pelajar yang menerima tawaran kemasukan ke **UniKL RCMP**, pembayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan borang **Simpanan Wang Tunai (Cash Deposit)** atas nama akaun **PCM Sdn. Bhd** di no akaun **0803-0017434-05-7**.

4.1 BAYARAN PENERIMAAN TAWARAN

Bayaran berjumlah **RM250.00** perlu dibuat sebagai bukti penerimaan tawaran **sebelum tarikh akhir penerimaan yang telah ditetapkan**. UniKL tidak akan mengemalikan bayaran ini sekiranya pelajar gagal mendaftar pada tarikh yang ditetapkan atau berhenti dari pengajian selepas pendaftaran.

4.2 BAYARAN HARI PENDAFTARAN

Bayaran perlu dibuat **selewat-lewatnya 7 hari sebelum tarikh mendaftar** di kampus pengajian mengikut jumlah yang tercatat di atas panduan pembayaran yang dilampirkan. Pihak universiti tidak menerima bayaran secara tunai.

Maklumat terperinci mengenai bayaran adalah seperti berikut:

Institut	Jumlah (RM)	Institut	Jumlah (RM)
UniKL Kampus Kota (MIIT, IPROM)	RM 1,150	UniKL MSI	RM 1,260
UniKL BMI	RM 1,150	UniKL MiTEC	RM 1,300
UniKL MIAT	RM 1,040	UniKL MFI	RM 1,250
UniKL MIMET		UniKL RCMP	
- DET Marine Eng.	RM 1,600	- Diploma Kejururawatan	RM 2,690
- Lain-lain Program	RM 1,350	- Diploma Farmasi	RM 2,480
UniKL MICET	RM 1,250	- Diploma Radiografi	RM 2,480

Perhatian :

* Deposit akan dikembalikan setelah tamat pengajian.

Untuk UniKL Kampus Kota dan UniKL MiTEC : Perkhidmatan bas disediakan untuk kemudahan pelajar berulang-alik dari asrama ke kampus dengan kadar bayaran **RM60 sebulan**. Semua pelajar baru diwajibkan membayar tambang bas untuk bulan pertama semasa pendaftaran di hostel.

b) Sila ambil perhatian bahawa jumlah bayaran ini tidak termasuk yuran pengajian



Bagi anda yang memerlukan bantuan kewangan untuk menjelaskan yuran semasa hari pendaftaran, anda boleh rujuk di pejabat MARA Negeri atau Daerah untuk memohon Pendahuluan Pinjaman Pelajaran MARA (tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak MARA). Sila bawa bersama Surat Tawaran Penuh dari universiti semasa berurusan dengan pihak MARA.

LAIN-LAIN BAYARAN

Terdapat bayaran-bayaran tambahan yang perlu dibuat secara **tunai** pada hari pendaftaran bagi **UniKL BMI, UniKL MIAT dan UniKL MSI sahaja**.

KAMPUS UniKL BMI

BIL	JENIS BAYARAN	JUMLAH (RM)
1.	Yuran Koperasi	5.00
2.	Tabung kecemasan Pelajar	2.00
	JUMLAH	7.00

KAMPUS UniKL MIAT

BIL	JENIS BAYARAN	JUMLAH (RM)	NOTA
1.	Jaket Rasmi	350.00	Sekali sepanjang tempoh pengajian
2.	Pakaian Seragam (2 helai)		
3.	Perkakasan Keselamatan		
4.	Buku Teks	580.00	Sekali sepanjang tempoh pengajian. Bekalan buku teks boleh dibuat terus dari pembekal semasa hari pendaftaran.
	JUMLAH	930.00	

KAMPUS UniKL MSI

Bayaran Peralatan Tambahan Pembelajaran – mengikut keperluan program yang ditawarkan

BIL	PROGRAM	PERALATAN & HARGA				JUMLAH (RM)
		CALIPER 0.02 (RM140/unit)	STEEL RULER (RM5/UNIT)	NEEDLE FILE (RM55/UNIT)	GOOGLE (RM 4/UNIT)	
1.	Mechanical Design & Development (MDD)	√	√	-	√	RM149.00
2.	Mould Manufacturing (MMT)	√	√	√	√	RM204.00
3.	Production (PET)	√	√	√	√	RM204.00
4.	Automated Regulation & Control (ARC)	-	-	-	-	tiada
5.	Electromechanical Installation & Maintenance (EIM)	√	-	-	√	RM144.00

**4.2 YURAN PENGAJIAN**

Institut	Peringkat	Program	Jumlah Satu Semester* (RM)	Jumlah Yuran Pengajian (RM)
MIIT	Diploma	Computer & Networking / Computing	4,500.00	27,000
		Animation	5,500.00	33,000
		Lain-Lain Program	3,500.00	21,000
	Ijazah	Networking System / Computer Engineering / Computer Animation Design	6,250.00	50,000
		Lain-lain Program	6,000.00	48,000
IPROM		Ijazah	6,250.00	50,000
MESTECH		Diploma	4,500.00	27,000
		Ijazah	6,250.00	50,000
UniKL MITEC		Diploma	4,500.00	27,000
		Ijazah	6,250.00	50,000
UniKL MFI		Ijazah	6,250.00	50,000
	Diploma	Air Conditioning & Refrigeration / Welding / Automotive Maintenance	4,750.00	28,500
		Lain-lain Program	4,500.00	27,000
UniKL BMI		Diploma	4,500.00	27,000
		Ijazah	6,250.00	50,000
UniKL MIAT		Diploma	5,000.00	30,000
		Ijazah	6,250.00	50,000
UniKL MIMET		Diploma	5,000.00	30,000
		Ijazah	6,250.00	50,000
UniKL MSI		Diploma	4,500.00	27,000
		Ijazah	6,250.00	50,000
UniKL RCMP		Diploma Kejururawatan	5,100.00	30,600
		Diploma Farmasi / Diploma Radiografi	5,300.00	31,800
		MBBS		277,000
UniKL MICET		Diploma	4,750.00	28,500
		Ijazah	6,250.00	50,000

Jumlah yuran pengajian adalah seperti berikut:

Nota:

* Yuran semasa Latihan Industri adalah sama dengan yuran satu semester

*struktur yuran tertakluk kepada kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi.

Yuran pengajian hanya akan dituntut selepas pihak universiti mendapat pengesahan status pembiayaan



(pinjaman atau biaya sendiri). Pihak Universiti berhak meminda atau mengubah kadar yuran pengajian tanpa notis

5.0 BANTUAN KEWANGAN

UniKL akan membantu pelajar mendapatkan pinjaman pelajaran daripada **Majlis Amanah Rakyat (MARA)** atau **Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**. Walau bagaimanapun kelulusan bergantung pada syarat yang ditetapkan oleh MARA dan PTPTN. Semua urusan pinjaman akan diuruskan oleh Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa UniKL **selepas Hari Pendaftaran** bagi pemohon yang layak.

5.1 BANTUAN PINJAMAN PELAJARAN MARA

SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN PINJAMAN

Syarat Am

- a. Calon mestilah Melayu/Bumiputra warganegara Malaysia.
- b. Tidak pernah ditamatkan bantuan atau ditarik balik bantuan oleh mana-mana penaja atas sebab tindakan disiplin.
- c. Tidak pernah dianjurkan oleh mana-mana penaja lain di peringkat yang sama kecuali untuk kursus-kursus kritikal dan profesional atas keperluan semasa.
- d. Mendapat pelepasan kontrak/penangguhan bayaran balik jika pernah ditaja oleh badan lain untuk pengajian sebelumnya.
- e. Mesti mendapat cuti belajar tanpa gaji/pelepasan jawatan/kebenaran bertulis daripada majikan bagi mereka yang sedang berkhidmat kecuali mengikut program separuh masa dalam negara.
- f. Diperakui sihat dan normal oleh doktor yang bertauliah.
- g. Pengajian sepenuh masa (luar negara).
- h. Pengajian sepenuh masa/separuh masa dalam negara.
- i. Umur yang ditetapkan bagi setiap program yang dipohon. Diploma tidak melebihi 35 tahun dan Ijazah tidak melebihi 40 tahun.
- j. Memenuhi syarat Status Ekonomi Keluarga (SES) yang ditetapkan oleh MARA

Syarat Akademik

Calon yang mendapat tawaran kemasukan ke program Diploma atau Ijazah dari Universiti Kuala Lumpur telah memenuhi syarat kelayakan pinjaman **KECUALI:**

- i. Mereka yang diberikan tawaran secara bersyarat.
- ii. Calon yang tidak mendapat sekurang-kurangnya 2 C dan 2 D di peringkat STPM.
- iii. Calon STPM yang tidak mendapat minimum C kertas Pengajian Am.

Pakej Pinjaman Mara

Pakej pinjaman pendidikan MARA yang akan diberi meliputi:

- Pinjaman Penuh

- i. Keseluruhan yuran pengajian.



- ii. Elaun sara hidup bagi program **Diploma** sebanyak **RM535.50 – RM630.00** setiap bulan (selama tempoh pengajian).
- iii. Elaun sara hidup bagi program **Ijazah** sebanyak **RM595.00 – RM700.00** setiap bulan (**program MBBS** sebanyak **RM654.50**).

- Pinjaman Sebahagian

- i. Keseluruhan yuran pengajian sahaja selama tempoh pengajian.

5.2 PINJAMAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

Syarat Am dan Akademik

- a. Warganegara Malaysia.
- b. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan sekurang-kurangnya 3 kepujian.
- c. Pemohon telah mendaftar untuk mengikuti kursus di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta/Politeknik atau institusi pengajian lain yang ditentukan oleh PTPTN.
- d. Pemohon mestilah tidak mempunyai penaja atau penganjur lain.
- e. Baki tempoh pengajian semasa permohonan pinjaman dibuat adalah tidak kurang dari satu tahun.
- f. Bagi pemohon yang mempunyai data di PTPTN sama ada telah mengemukakan permohonan dalam semester yang sama, tempoh perjanjian masih aktif, gagal atau berhenti pada pengajian terdahulu, pastikan hutang/status pinjaman tersebut telah diselesai/dikemaskini sebelum permohonan ini dikemukakan.

Pakej Pinjaman PTPTN

Pakej pinjaman pendidikan PTPTN adalah seperti berikut:

Program Ijazah Sarjana Muda

- Pinjaman Penuh

Program	Jumlah Pinjaman Setahun (RM)
Ijazah*	16,000.00
MBBS	30,000.00

Nota: *Tambahan RM500.00 setahun kepada pelajar aliran sains.

Bayaran dibuat dua kali setahun

- Pinjaman Sebahagian

RM 8,000.00 setahun.

Program Diploma

Program	Jumlah Pinjaman Setahun (RM)
Diploma	5,000.00
Diploma in Nursing & Pharmacy	14,000.00
Diploma in Radiography	16,000.00

Nota: Bayaran dibuat dua kali setahun.



5.3 KEPERLUAN DOKUMEN UNTUK URUSAN PINJAMAN

Pelajar yang ingin memohon pinjaman MARA/PTPN dikehendaki membawa salinan dokumen-dokumen berikut semasa Minggu Induksi.

- Gambar (1 keping)
- Salinan Surat Tawaran
- Salinan Sijil Kelahiran Pelajar
- Salinan Sijil Kelahiran Ibu
- Salinan Sijil Kelahiran Bapa
- Salinan Kad Pengenalan Pelajar (depan & belakang , saiz A4)
- Salinan Kad Pengenalan Ibu (depan & belakang, saiz A4)
- Salinan Kad Pengenalan Bapa (depan & belakang saiz A4)
- Salinan Sijil Kematian/Perceraian Ibu/Bapa (**jika berkaitan**)
- Salinan Sijil SPM / 'O' Level
- Salinan Sijil STPM / 'A' Level
- Salinan Sijil/IB/Matrikulasi/Diploma/HND **DAN**
- Salinan Transkrip/Slip keputusan peperiksaan Bagi Setiap Semester
- Salinan Sijil Berhenti Sekolah dan Sijil Kokurikulum (kokurikulum maksimum 5 sahaja)
- Salinan surat penangguhan pembayaran balik pinjaman terdahulu (**jika pelajar pernah membuat pinjaman dengan penaja lain**)
- Salinan Slip Gaji/Pencen bapa
- Salinan Slip Gaji/Pencen ibu
- Salinan Borang J/EA Bapa (**wajib lampirkan bagi pendapatan ibubapa RM3000.00 ke atas**)
- Salinan Borang J/EA Ibu (**wajib lampirkan bagi pendapatan ibubapa RM3000.00 ke atas**)
- Surat pengesahan pendapatan ibu dan bapa dari ketua kampung (**jika bekerja sendiri/ tidak bekerja**)
Nota: Sila nyatakan jenis pekerjaan atau perniagaan yang dijalankan dan jumlah pendapatan sebulan jika bekerja sendiri.
- Surat pelepasan kontrak/berhenti kerja/cuti tanpa gaji/kebenaran mengikuti program pengajian dari majikan (**jika berkaitan**)
- Karangan mengenai perihal diri, perancangan pengajian dan kerjaya. (**300 patah perkataan**)

Nota:

1. Semua salinan dokumen perlu disahkan oleh Wakil Rakyat, Jaksa Pendamai, Pegawai Kerajaan (Kumpulan A), Pengetua/Gurubesar Sekolah (Sekolah Kerajaan sahaja) dan Ketua Kampung/Penghulu dan salinan penyata gaji perlu disahkan oleh majikan sendiri.
2. Maklumat ini adalah benar sehingga tarikh ianya ditulis dan segala perubahan mengenai syarat pinjaman pendidikan ini adalah tertakluk kepada pihak **MARA /PTPN**. Pengumuman berkenaan tarikh pengisian Borang Permohonan akan dibuat selepas hari pendaftaran.



6.0 KEMUDAHAN ASRAMA

Semua pelajar baru **wajib** menginap di asrama yang disediakan oleh pihak UniKL (tertakluk kepada kekosongan asrama).

PERHATIAN KEPADA PELAJAR LEPASAN UNIKL: Pelajar UniKL yang menyambung pengajian **tidak diwajibkan** untuk menginap di asrama. Sekiranya anda tidak memerlukan penginapan, pembayaran RM600 (asrama) **tidak perlu** dijelaskan. *Walaupun bagaimanapun, bagi yang memerlukan penginapan, sila isi borang permohonan 'Residence Application Form'. Borang ini perlu dihantar bersama Borang Jawapan Penerimaan.*

Pelajar dinasihatkan untuk menyediakan kelengkapan asrama sendiri dan kelengkapan minggu induksi seperti senarai di bawah:

BIL	PERKARA	JUMLAH	WARNA
1.	Kasut Kanvas/Getah	Bebas	Putih
2.	Pakaian Harian (selepas Latihan)	Bebas	Bebas
3.	i) Lelaki – Seluar Panjang (Slacks) dan baju kemeja/T-shirt. ii) Perempuan – Pakaian yang menutup aurat	Bebas Bebas	Bebas Bebas
4.	Pakaian Sukan (WAJIB Seluar Panjang)	Bebas	Bebas
5.	Baju Sukan Lengan Panjang (Pelajar Perempuan sahaja)	Bebas	Bebas
6.	Tudung (Pelajar Perempuan sahaja)	Bebas	Bebas
7.	Telekung Solat (Pelajar Perempuan Islam sahaja)	1	Putih
8.	Sarung Bantal	2	Putih
9.	Bantal	1	Bebas
10.	Kain Selimut	1	Bebas
11.	Selipar	1	Bebas
12.	Baldi/gayung	1	Bebas
13.	Penyangkut Baju	Bebas	Bebas
14.	Tuala	2	Bebas
15.	Kunci dan Mangga untuk almari	2	Bebas
16.	Buku / Alatulis	Bebas	Bebas
17.	Lain-lain keperluan asas/ harian	Bebas	Bebas



7.0 PERMOHONAN PENGECCUALIAN KREDIT

7.1 TEMPOH PERMOHONAN

Bagi anda yang mempunyai kelayakan masuk yang bersesuaian, anda boleh memohon pengecualian kredit. Permohonan boleh dibuat **selepas Hari Pendaftaran**. Untuk memudahkan permohonan pengecualian kredit diluluskan, pastikan anda membawa dokumen berikut semasa minggu induksi:

- Salinan SPM
- salinan keputusan peperiksaan peringkat STPM/Sijil/ Diploma) dan
- salinan rangka kandungan mata pelajaran (syllabus/subject outlines) bagi subjek yang ingin dipohon**

Permohonan pengecualian kredit ini hanya boleh dibuat sekali sepanjang tempoh pengajian dan boleh dibuat pada semester pertama sahaja. Untuk mengelakkan masalah pendaftaran subjek, anda diwajibkan menyelesaikan permohonan ini dalam tempoh 2 minggu selepas pendaftaran.

7.2 MAKSIMA BILANGAN KREDIT

Maksima bilangan kredit yang dibenarkan adalah 30% daripada bilangan keseluruhan kredit bagi program yang akan diambil (contoh : 30 - 36 kredit bagi program Ijazah bagi pemegang diploma yang berkaitan atau bersamaan dengan 1 tahun pengajian). Sekiranya permohonan diluluskan, jangkamasa pengajian akan lebih pendek dari yang tertulis di surat tawaran.

KELULUSAN PENGECCUALIAN KREDIT MESTI DISELESAIKAN DALAM TEMPOH DUA MINGGU SELEPAS PENDAFTARAN BAGI MENGELAKKAN MASALAH PENDAFTARAN SUBJEK. PELAJAR TIDAK AKAN DIBENARKAN MENAMBAH SUBJEK SELEPAS TEMPOH MASA YANG DIBENARKAN. PASTIKAN SEMUA DOKUMEN YANG DIPERLUKAN DIBAWA SEMASA MINGGU INDUKSI.

8.0 UJIAN PENEMPATAN BAHASA INGERIS DAN MATEMATIK

Semua pelajar baru UniKL di **WAJIB** kan menduduki **Ujian Penempatan bagi subjek Bahasa Inggeris (untuk pelajar Program Bachelor dan Diploma) dan Matematik (untuk pelajar Diploma sahaja)** yang akan dijalankan pada Minggu Induksi. Oleh hal yang demikian, pelajar dikehendaki membawa alat tulis yang diperlukan dan juga Kalkulator Scientific semasa menjalani ujian.

Pelajar yang lulus Ujian Penempatan di atas dikecualikan dari mengambil subjek English Proficiency atau subjek Foundation Mathematic.



9.0 PETA LOKASI

Peta Lokasi untuk ke kampus-kampus UniKL boleh di dapati di laman web www.unikl.edu.my.